



## SIARAN MEDIA

### HACKATHON 2019 MELONJAK KREATIVITI DAN INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

**Cyberjaya, 27 Ogos** – Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri terus komited untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam pelaksanaan Kerajaan Digital sehingga ke peringkat global dengan sekali lagi menganjurkan Program Hackathon 2019. Pelaksanaan ini juga merupakan manifestasi awam dan swasta yang dicapai bersama-sama hasil usaha sama rakan strategik iaitu *Government Integrated Telecommunications Network Sdn. Bhd.* (GITN), Telekom Malaysia Berhad (TM) dan *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC).

Menurut Ketua Pengarah MAMPU, YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, program ini menjadi platform bagi penciptaan produk data dan aplikasi mudah alih yang kreatif dan berkualiti dengan memanfaatkan penggunaan teknologi terkini dengan menggunakan data terbuka yang boleh diperoleh daripada portal [www.data.gov.my](http://www.data.gov.my) yang sehingga kini telah menyediakan sebanyak 13,050 set data.

“Inisiatif data terbuka ini juga merupakan satu inisiatif ke arah menggalakkan penciptaan produk yang berinovasi berasaskan data terbuka di kalangan komuniti perniagaan dan juga individu. Ciptaan produk baharu secara tidak langsung dapat meningkatkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dan menjana ekonomi dengan mewujudkan kemudahan perkhidmatan baharu demi untuk kemudahan rakyat,” kata Mazlan ketika merasmikan Majlis Pelancaran Program Hackathon 2019 di Auditorium MaGIC, hari ini.

Matlamat utama penganjuran pertandingan Hackathon ini adalah untuk meningkatkan penciptaan produk data dan inovasi berasaskan Data Terbuka yang berkualiti bagi menambahkan penghasilan bilangan aplikasi mudah alih untuk perkhidmatan Kerajaan sekali gus meningkatkan *ranking* Malaysia dalam penarafan *Online Service Index* (OSI).

Majlis pada hari ini adalah bagi melancarkan dua (2) buah program Hackathon yang terdiri daripada Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2019 dan Hackathon Data Terbuka 2019. Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2019 merupakan pertandingan yang berlangsung selama 24 hari dan terbuka kepada penjawat awam sahaja. Manakala, Hackathon Data Terbuka 2019 pula terbahagi kepada tiga (3) kategori penyertaan iaitu kategori Sektor Awam, Universiti & Industri dan Pelajar Sekolah Menengah yang berlangsung selama 240 jam.

Bagi menghargai penglibatan para peserta, program ini telah menawarkan hadiah lumayan berupa wang tunai berjumlah RM14,900.00 bagi Hackathon Mudah Alih dan RM60,000.00 bagi Hackathon Data Terbuka.

“Melalui penyertaan para peserta dalam program ini, program Hackathon ini beraspirasi untuk memupuk dan mencipta para usahawan teknologi digital baharu yang dapat memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi digital berpacuan data.

Saya juga berharap pertandingan ini dapat dijadikan contoh bagaimana teknologi disruptif dimanfaatkan bagi mengubah landskap dan paradigma kita tentang *conventional business operating model* apabila mereka menyanggah tradisi dan mencabar *status-quo* dengan cara memanfaatkan sepenuhnya teknologi untuk memberi definisi baharu kepada cara pemikiran konvensional,” katanya.

Turut hadir sama di majlis tersebut ialah YBhg. Dato’ Dr. Yusof Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Transformasi dan Pemodenan Pengurusan (TPP) MAMPU; YBhg. Dato’ Dr. Suhazimah Dzazali, Timbalan Ketua Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) MAMPU; YBrs. Encik Amiruddin Abdul Shukor, Pengarah Eksekutif Kewangan dan Perkhidmatan Korporat *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC); Ketua-Ketua Pegawai Maklumat Sektor Awam, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan serta seramai 200 orang peserta Hackathon 2019 juga hadir memeriahkan majlis.

---

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat  
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan  
Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri  
03-8872 3138 / 017 - 6963732**